



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

1000

HARI KEPIMPINAN

PENGARAH ke-9

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
POLITEKNIK PREMIER

ZAINAH BINTI RUJIHAN

20 Mei 2024 hingga 28 Ogos 2024





HARI KEPIMPINAN PENGARAH KE- 9

**Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Politeknik Premier**

ZAINAH BINTI RUJIHAN

Terbitan Pertama 2024

Hak Cipta Terpelihara © Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada cara elektronik, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

**100 HARI KEPIMPINAN PENGARAH KE-9
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
POLITEKNIK PREMIER
ZAINAH BINTI RUJIHAN**

Panel Penulis :
Sidang Editorial Buku

100 Hari Kepimpinan Pengarah ke-9
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Zainah binti Rujihan

Diterbitkan oleh:
UNIT PENERBITAN
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
PERSIARAN USAHAWAN, SEKSYEN U1,
40150 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.
<https://psa.mypolycc.edu.my/>
Nombor telefon: +603-5163 4000
Nombor fax : +603-5569 1903

e ISBN 978-629-7667-13-3



9 786297 667133





Isi Kandungan

Perkara

Muka Surat

Kata Aluan Pengarah PSA

1

100 Hari Kepimpinan Pengarah PSA

2

Sidang Editorial

59

Kata Aluan



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Taala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat mencoret sepatah dua kata dalam ruangan 100 Hari Kepimpinan Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pusat Pengurusan Strategik atas kerjasama dan komitmen dalam menghasilkan galeri perjalanan kepimpinan saya sepanjang 100 hari keberadaan saya di bumi PSA yang tercinta.

Pada 20 Mei 2024, bermulalah lembaran baharu buat saya sebagai Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Saya berazam dan berusaha untuk mencipta kejayaan dan kegemilangan sepanjang perkhidmatan saya di PSA. Besar harapan saya, agar PSA terus mengorak langkah maju ke hadapan dalam memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di samping melahirkan lebih ramai pelajar yang berkualiti dan pensyarah yang kompeten.

Justeru, marilah kita berganding bahu bersama dalam usaha yang telah direncanakan untuk mengangkat prestasi PSA pada tahap yang lebih tinggi seiring dengan aspirasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Zainah binti Rujihan

Pengarah

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah



28 Ogos 2024

Sumbangan baucar makanan & topi keledar

Sebanyak 200 topi keledar diedar secara percuma kepada pelajar PSA sebagai usaha mempromosikan kepentingan pemakaian topi keledar yang berkualiti dan mempunyai label SIRIM. Selain topi keledar turut diserahkan sumbangan berbentuk baucar makanan berjumlah RM 30,000.00 yang akan memberi manfaat kepada 200 pelajar golongan B40.



27-28 Ogos 2024

Lawatan Penilaian Audit ETAC

Pembukaan Penilaian Audit ETAC berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama PSA yang dihadiri oleh Pengarah, TPA, TPSA, Panel Penilai ETAC serta Ahli Mesyuarat Pengurusan PSA.



23 Ogos 2024

Majlis Bacaan Yasin Sempena Lawatan Penilaian ETAC

Majlis bacaan yasin diadakan di Pusat Islam PSA yang dihadiri oleh Pengarah, TPA, AMP serta staf PSA. Turut diadakan simbolik penyerahan bunting kepada Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.





23 Ogos 2024

Kunjungan Mesra Pengerusi Media Prima Bhd.



Kunjungan mesra YBhg. Datuk Seri (Dr) Syed Hussain bin Syed Junid yang disambut oleh Pengarah, Ahli Mesyuarat Pengurusan bersama pelajar Techno Huffaz.

22 Ogos 2024

ELECTRICAL ENGINEERING DEPARTMENT



Sambutan Wang Tahun Kelahiran Pengarah di JKE





20 Ogos 2024

Pra Mesyuarat MKSP PSA 2024

Objektif Pra MKSP ini bertujuan untuk memberi taklimat dan penerangan berkaitan perancangan MKSP PSA yang akan diadakan pada 2 dan 3 September 2024.




20 Ogos 2024

Kunjungan Cita Kapital

PSA kunjungan daripada pihak Cita Kapital Sdn. Bhd. yang membincangkan cadangan gabungan PSA/Cita Kapital untuk program TVET dalam bidang Pengurusan Fasilitas dan Kejuruteraan Elektronik, Pengurusan dan Penyelenggaraan Pendobian serta menubuhkan program latihan Certified Healthcare Facilities Management.





20 Ogos 2024

Kunjungan
**Ministry of Higher Education,
Science And Culture (MESCC) Timor Leste**

Kunjungan mesra daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Timor Leste ke PSA. Sesi kunjungan ini dapat memperkukuhkan hubungan kolaborasi antara kedua pihak



SELAMAT DATANG
 KE
 BENGKEL
 DOKUMENTASI
 ACCREDITATION OF
 PRIOR EXPERIENTIAL
 LEARNING FOR
 MICRO CREDENTIALS
 (APEL.M)

20-23 Ogos 2024 (Selasa-Jumaat)
 POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN
 ABDUL AZIZ SHAH

20 Ogos 2024

Bengkel
Dokumentasi APEL.M

Selaras sebagai Pusat Penilaian Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-Credentials (APEL.M). PSA telah mengadakan satu bengkel bagi menyediakan dokumen yang diperlukan oleh MQA untuk penubuhan Pusat Apel.M. Bengkel ini bertujuan untuk penyediaan dokumentasi bagi penubuhan Pusat Apel.M .



18 Ogos 2024

Pertandingan TVET Woodball sempena Moh Festival POLYCC 2024

Pertandingan TVET Woodball sempena Moh Festival POLYCC 2024 diteruskan lagi pagi ini di Laman Woodball De Rhu Beach Resort, Kuantan, Pahang. Pertandingan hari ini melibatkan pengarah-pengarah POLYCC Malaysia.



16 Ogos 2024

Moh Festival POLYCC 2024 @ Teluk Cempedak

Pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan antaranya, pameran pendidikan, larian, gerai jualan, kursus pendek dan sebagainya.



16-18 Ogos 2024

JIWAKU 2024

Jalinan Warisan Kebangsaan dan UNESCO

JUARA Kategori VLOG Terbaik Keseluruhan, Jalinan Warisan Kebangsaan dan UNESCO (JIWAKU) 2024 - Jejak Eldorado di Muzium Sg Lembing



15 Ogos 2024

Perbincangan bersama CEO Seikou Systec Sdn. Bhd.



Satu perbincangan santai bersama Mr. Siew, CEO Seikou Systec Sdn. Bhd. bagi projek susulan setelah sempurna pelaksanaan Program Perkasa TVET 1.0.



15 Ogos 2024

POLITEKNIK *Majlis Flag Off*
Ketua Program BEU ke Kitakyushu, Jepun
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Puan Pengarah telah menyempurnakan sesi penyerahan surat kelulusan dan flag-off Puan Nurul Maisarah binti Kamaruddin, Ketua Program BEU yang akan menjalani Kursus Development of Human Resource Adaptable to Industry Needs In Electrical and Electronic di Kitakyushu, Jepun



14 Ogos 2024

Program Keselamatan Plus bersama komuniti lebuhraya



PLUS Berhad dengan kerjasama Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengadakan Program Keselamatan PLUS bersama Komuniti Lebuhraya. Program ini melibatkan taklimat berkenaan keselamatan di jalan raya, aktiviti (games), pameran serta banyak hadiah yang disediakan buat para peserta.



14 Ogos 2024

Gotong-royong Merdeka EKSA 2024

Perasmian Program “1 Pokok, 1 Staf” telah disempurnakan oleh Pengarah Puan Zainah binti Rujihan. Program dimulakan dengan senam aerobik dan disusuli dengan gotong-royong EKSA mengikut zon yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa EKSA PSA.
~ Ekosistem Kondusif Warga Produktif ~

KONVOKESYEN

POLITEKNIK SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL
AZIZ SHAH

10 Ogos 2024 • 1446
Dewan al-Jazari,



10 Ogos 2024

Konvokesyen PSA kali ke-25

Sidang 1

Konvokesyen PSA kali ke-25 telah diadakan di Dewan al-Jazari PSA bagi meraihan para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian. Sidang 1 telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohd Noor bin Shahudin, Pengarah Kanan (Akademik), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Merdeka!

Merdeka!

10 Ogos 2024

Konvokesyen PSA kali ke-25 Sidang 2

Sidang II telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri (Dr) Syed Hussain bin Syed Junid. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) PSA. Turut hadir, Pengarah PSA serta barisan pengurusan dan para pensyarah



09 Ogos 2024

Pelantikan PSA sebagai **Pusat APEL.M**

PSA telah dilantik menjadi Pusat Penilaian Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-Credentials (APEL.M). Pengiktirafan ini merupakan langkah signifikan dalam usaha memperkasakan pengiktirafan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu sekaligus membuka lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan tinggi.



08 Ogos 2024

Majlis Kunjungan Hormat **Synergy Scholars Committee (S2C)**

Majlis Kunjungan Hormat Jawatankuasa Doktorat Bersama Pengarah PSA telah diadakan oleh jawatankuasa doktorat PSA pada 9 Ogos lalu. Jawatankuasa Doktorat PSA atau lebih dikenali sebagai Synergy Scholars Committee (S2C) dianggotai seramai 23 orang daripada pelbagai bidang dan jabatan.



01 Ogos 2024

Majlis Penutup Minggu Haluan Siswa

Majlis Penutup ini diadakan setelah menjalani Minggu Haluan Siswa (MHS) selama seminggu. MHS ini berkonsepkan orientasi, wajib dilalui oleh pelajar baharu sebagai proses persediaan dan pendedahan mengenai alam pendidikan, budaya dan aspek pembinaan di politeknik.



29 Julai 2024

Minggu Haluan Siswa PSA



Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah menerima kemasukan pelajar bagi Sesi 1 2024/2025 seramai 1,200 orang pelajar. Pengarah PSA turun padang bagi melihat keadaan pendaftaran pelajar pada hari tersebut dan beramah mesra bersama pelajar serta ibu bapa yang hadir di Dewan al-Jazari PSA.

15 Julai 2024

McyTT

Malaysia China Youth TVET Training



Flag off peserta Program Malaysia China Youth TVET Training (MYCTT) ke China telah disempurnakan oleh Pengarah PSA Puan Zainah Rujihan di Terminal 1, KLIA. Program MCYTT ini disertai seramai 30 org peserta yang terdiri daripada 23 orang pelajar dari program DEP, DEU, DJK dan BEU dan 7 orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik bagi bidang *IOT Application Technology*.



Majlis menandatangani Letter of Intent (LOI) antara PSA dan Jiangxi Vocational & Technical of Industry & Trade, China telah disempurnakan oleh Pengarah PSA Puan Zainah binti Rujihan dan Party Secretary and President of Jiangxi College Mr. Wan Xiaobo.



ARAS BAWAH
 • BILIK MESYUARAT UTAMA
 • UNIT KEWANGAN
 • UNIT PEROLEHAN SUMBER
 • UNIT JAMINAN KUALITI DAN PENGURUSAN REKOD
 • UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
 • PUSAT PENGKOMERSIALAN

ARAS SATU
 • TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
 • TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN AKADEMIK)
 • UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
 • KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN

ARAS DUA
 • PEJABAT PENGARAH (R&D ROOM)
 • BILIK MESYUARAT (R&D ROOM)
 • PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM (PRO)

11 Julai 2024

Lawatan
 Bahagian Pembangunan Modal Insan,
 Kementerian Ekonomi

Objektif lawatan tapak cadangan permohonan Rolling Plan 5 RMK12: JPPKK- Pembangunan Institusi Teknologi Kejuruteraan Perubatan Termaju sebagai Reskilling and Upskilling Centre (RUC) di PSA. Turut hadir bersama adalah Timbalan Pengarah (Latihan) Bahagian Pembangunan Modal Insan, Kementerian Ekonomi bersama pegawai daripada Kementerian Ekonomi serta Bahagian Perancangan Program dan Institusi JPPKK serta disambut oleh Pengarah PSA.



29 Julai 2024

Karnival Pendidikan Kerjaya Murid Sukses



Sukses 3.0 ini telah berlangsung selama 3 hari bertempat di Dewan Al-Jazari PSA. Pelbagai aktiviti yang berlangsung antaranya Pameran Kerjaya, Campus Tour, Pop Kuiz, Demonstrasi dan sebagainya.



11 Julai 2024

Program Corporate HR Woodball Tournament



PSA - Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia Sdn. Bhd. (PAPAMY)
Pertandingan Woodball ini berlangsung di Laman Woodball PSA.



21st Asean University Games 2024

Surabaya-Malang, Indonesia

2 Julai 2024

21st Asean University Games 2024

Pengarah PSA, Puan Zainah binti Rujihan merupakan Pengerusi Pusat Sukan Tumpuan Taekwondo KPT hadir memberi sokongan kepada atlet-atlet Malaysia yang bertanding dalam acara taekwondo sempena 21st Asean University Games 2024 yang berlangsung di Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia.



1 Julai 2024

Program

The 5th International Geotourism Festival

Delegasi PSA yang diketuai Pengarah Puan Zainah Rujihan menghadiri International Community Service @ Gedung Kuliah Terpadu, Politeknik Negeri Banyuwangi, Indonesia. Turut serta Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PSA, Ts. Mohd Firdauz bin Mhd Radzi, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Pn. Nazrizam Ab Wahab serta para pensyarah dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam.

UNIT LATIHAN DAN
PENDIDIKAN LANJUTAN

28 Jun 2024

Taklimat kenaikan pangkat



Pengarah Puan Zainah Rujihan mempengerusikan taklimat kenaikan pangkat kepada pegawai yang berjaya dalam validasi kenaikan pangkat Gred DH 48 dan DH 52. Puan Pengarah mengucapkan tahniah dan syabas kepada yang berjaya dan mengharapkan agar terus cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab yang dipikul.

WAKTU URUSAN
ISNIN - KHAMIS
8pg - 5ptg
JUMAAT
8pg - 12.15tgh | 2.45 - 5ptg
SABTU
12tgh - 3ptg
(Minggu Kulia KSS)
AHAD & CI

28 Jun 2024

Program Flag Off
Pasukan Polyskills PSA



Kehadiran Pengarah Puan Zainah binti Rujihan diiringi Tuan TPA disambut meriah dalam program Flag Off Pasukan Polyskills PSA. Bidang yang dipertandingkan adalah seperti Welding, Mechanical Engineering CAD, Joinery, Digital Construction, Drone, Electronics dan Freight Forwarding.

25 Jun 2024

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

ANUGERAH KHAS APRESIASI TVET POLYCC 2024

Sambutan Hari TVET Negara



Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menganjurkan Sambutan Hari TVET Negara (HTN) 2024 peringkat JPPKK bertempat di Dewan Al-Jazari, PSA. Sebanyak empat kategori anugerah turut disampaikan pada majlis ini bagi menghargai dan mengiktiraf usaha serta sumbangan warga POLYCC yang telah banyak menabur bakti dalam pelbagai aspek bagi membangunkan TVET dan seterusnya mengharumkan nama POLYCC di persada TVET kebangsaan dan antarabangsa.

25 Jun 2024

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023



Majlis APC 2023 pada kali ini adalah meraikan seramai 115 penerima anugerah sebagai salah satu bentuk penghargaan serta pengiktirafan terhadap dedikasi dan kecemerlangan dalam menjalankan tugas. Majlis ini berjaya dilangsungkan dengan lancar di Dewan al-Jazari PSA.



Program Ibadah Korban PSA 2024

Program Ibadah Korban PSA anjuran Pusat Islam dengan kerjasama YaPEIM telah diadakan dengan jayanya. 4 ekor lembu telah dikorbankan dan daging korban telah diagihkan oleh pengarah PSA, Puan Zainah binti Rujihan kepada kakitangan PSA. YBhg. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti turut menyantuni program dan berharap dengan program sebegini, dapat mengeratkan lagi jalinan ukhuwah sesama staf.

6 Jun 2024

Lawatan IKTA

ARAS BAWAH
• UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
• PUSAT PENGKOMERSIALAN

ARAS SATU
• TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
• TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN AKADEMIK)
• UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
• KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN

ARAS DUA
• PEJABAT PENGARAH
• BILIK MESYUARAT (WAR ROOM)
• PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM (PRO)



Al Insyirah Institute Of Health And Technology Pekanbaru Indonesia (IKTA) telah mengadakan lawatan penandaarasan dan berbesar hati untuk menandatangani dokumen kolaborasi bersama PSA.

31 Mei 2024

Majlis Persaraan Puan Yusmina Yusoff



Majlis *Clock Out* Puan Yusmina binti Yusoff, pensyarah Jabatan Perdagangan PSA sempena hari terakhir beliau menamatkan perkhidmatan sebagai penjawat awam mulai 01 Jun 2024. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Puan Pengarah PSA bersama dengan TPSA dan keluarga Puan Yusmina yang berlangsung di Foyer Jabatan Perdagangan.



28 Mei 2024

Lawatan Taaruf Pengarah ke Jabatan Kejuruteraan Awam





28 Mei 2024

Lawatan Taaruf Pengarah ke Jabatan Perdagangan





28 Mei 2024

Bengkel Pemantapan dan Kompetensi Juruaudit

Bengkel Pemantapan & Kompetensi Juruaudit Dalam ISO 21001:2018 Educational Organisations Management System (EOMS) anjuran Unit Audit Dalam PSA (UAD) yang melibatkan 60 juruaudit dalaman.



27 Mei 2024

Lawatan Taaruf Pengarah ke Unit Kewangan





24 Mei 2024

Lawatan Taaruf Pengarah ke Jabatan Kejuruteraan Mekanikal





24 Mei 2024

Lawatan Taaruf Pengarah ke Jabatan Kejuruteraan Elektrik





Lawatan Pengarah Arca Comp



Program Pertandingan Arca Mekanikal 2024 telah diadakan sebagai platform kepada pelajar bagi membentangkan idea dan inovasi serta pengetahuan dalam bidang untuk menunjukkan kemampuan pelajar mengapikasi kemahiran yang telah diajar. Program perasmian telah disempurnakan oleh Puan Zainah binti Rujihan, Pengarah PSA diiringi Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Ts. Mohd Firdauz bin Mhd Radzi.



**MEDICAL ELECTRONICS TECHNOLOGY
INVENTION & INNOVATION COLLOQUIUM
(METIIC 2024)**

- 21 MAY 2024 (TUESDAY)
- 8:00AM - 5:00PM
- ANJUNG BESTARI
- POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDULAZIZ SHAH
- BACHELOR OF MEDICAL ELECTRONIC ENGINEERING TECHNOLOGY WITH HONOURS (BEU)

21 Mei 2024

Program Medical Electronics Technology Invention and Innovation Colloquium

Anjuran Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik Perubatan,
Jabatan Kejuruteraan Elektrik



ARAS BAWAH
 • BILIK MESYUARAT UTAMA
 • UNIT KEWANGAN
 • UNIT PEROLEHAN SUMBER
 • UNIT JAMINAN KUALITI DAN PENGURUSAN REKOD
 • UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
 • PUSAT PENGKOMERSIALAN

ARAS SATU
 • TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
 • TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN AKADEMIK)
 • UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
 • KALUNTER KHIDMAT PELANGGAN

ARAS DUA
 • PELABAT PENGARAH
 • BILIK MESYUARAT (SWA ROOM)
 • PEGAWAI PERHUBUNGAN ANAK (PRO)

20 Mei 2024

Program bersama
Pengarah PSA

PEJABAT
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



20 Mei 2024

Pelantikan sebagai
Pengarah PSA

Sekalung tahniah atas pelantikan sebagai Pengarah
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

20 Mei 2024

Pelantikan sebagai **Pengarah PSA**



**Sekalung tahniah atas pelantikan sebagai Pengarah
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Tahniah & Selamat Datang

PASSIONATE • SYNERGISE • AGILE

TS. ZAINAH BINTI RUJIHAN

atas pelantikan sebagai

PENGARAH

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Ikhlas daripada

WARGA POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

MALAYSIA
MADANI

@pstaar @psa_pstaar @PSA_PSSAAS @PSA TV @pstaar



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Tahniah

TS. ZAINAH BINTI RUJIHAN

atas pelantikan sebagai

PENGARAH

**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH**

BERKUAT KUASA 20 MEI 2024

Ikhlas daripada:

SELURUH WARGA POLYCC

Sekalung tahniah atas pelantikan sebagai Pengarah
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

PSA tidak jangka terima permohonan luar biasa program Techno-Huffaz

Oleh Ruwaida Md Zain - Ogos 11, 2024 @ 9:28am
bhnews@bh.com.my



Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Zainah Rujihan berucap pada Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ke 25 di Dewan Al Jazari, Politeknik Shah Alam, semalam. - Foto NSTP/ Faiz Anuar

SHAH ALAM: Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) menerima permohonan luar biasa bagi kemasukan ke program Techno-Huffaz sehingga mencecah 118 permohonan tahun ini.

Pengarah PSA, Zainah Rujihan, berkata sejak mula diperkenalkan pada 2017, permohonan kurang 10 orang pada setiap semester namun pada semester kali ini, PSA terpaksa menghadkan kepada 35 penuntut.

"Sebelum ini hanya sedikit sahaja memohon, bermaksud ketika itu tidak ramai tahu dan tidak lihat hasilnya tetapi tahun ini mendapat sambutan permohonan luar biasa sampai 118 memohon.

"Kami tidak jangka sebab itu PSA tidak dapat terima semua, had kami sehingga 35 orang sahaja untuk pengambilan baharu semester satu ini, kerana kita terhad dari segi tempat dan tenaga pengajar.

"Insya-Allah, saya yakin selepas ini kita boleh dapat menambah daripada segi tenaga pengajar dan tempat supaya lebih ramai lagi teknokrat huffaz berjaya dilahirkan oleh PSA," katanya ketika ditemui selepas Majlis Konvokesyen PSA Kali ke-25 di Dewan Al-Jazari di sini semalam.

Pada Sidang 2 semalam, Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid dijemput sebagai tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian skrol kepada 403 graduan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Perdagangan.

Mengulas lanjut Zainah berkata di bawah Techno-Huffaz kali ini terdapat program bersanad yang mana sebagai permulaan, PSA akan menghantar dua penuntut ke Universiti Al-Azhar, Mesir untuk mengikutinya.

"Istimewa kali ini, di bawah Techno-Huffaz ini ada program bersanad di Mesir... kita hantar dua penuntut mengikut program bersanad pada September ini," katanya.

Sejak penubuhan PSA pada 1997, seramai 43,572 graduan dalam pelbagai bidang berjaya dilahirkan.

Pada Majlis Konvokesyen Kali ke-25 ini, seramai 833 graduan menerima ijazah, diploma serta sijil masing-masing membabitkan 206 graduan Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik (272), Jabatan Kejuruteraan Awam (197) dan 158 graduan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal termasuk 12 graduan Sijil Kemahiran Penyenggaraan Mekanikal yang juga pelajar masalah pendengaran.

Pada konvokesyen kali ini juga, seramai tujuh graduan Techno-Huffaz yang menghafaz 30 juzuk al-Quran diraikan yang mana mereka berjaya memperoleh 'dual certification' iaitu Sijil Tahfiz al-Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)-Politeknik dan sijil Diploma Politeknik.

UTAMA > NASIONAL

Ts. Zainah Rujihan Dilantik Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Baharu

Oleh admin — Mei 21, 2024 dalam NASIONAL



BAHARU > LANTIKAN > PENDIDIKAN

Ts. Zainah Rujihan Dilantik Sebagai Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Adam Hafiz Ahmad • 21 Mei

f SHARE

TWEET

p

✉



Success stories for school-leavers

Youth, industry players share testimonies about the effectiveness of TVET

By SHERIDAN MAHAVERA
mahavera@thestar.com.my

PETALING JAYA: When he first started out three years ago, Muhamad Asyraf Muhammad Amin crafted small wall racks for vegetables at the back of his house in Kelantan that he sold in his hometown of Kok Lanas.

Now he is the proud owner of a furniture company that makes cabinets, tables and chairs, with an annual revenue of more than RM300,000 and 12 staff members under him.

And he is only 24. His success would not have been possible if he had just left school after sitting for his Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) and started the business on his own at the age of 18, which is the trend now among many secondary school leavers.

Success stories such as Asyraf's are something that officials and experts in the field of technical and vocational education and training (TVET) are banking on to reverse a trend of SPM graduates declining to further their studies due to the high cost of tertiary education.

A report in *The Star* on May 26 revealed that the trend has persisted since the Covid-19 pandemic lockdowns. Data from the Higher Education Ministry showed that 1.25 million individuals pursued tertiary education in 2023, far lower than the 1.39 million in 2019, just before the pandemic began in 2020.

Some SPM graduates told *The Star* in past interviews that they would rather opt for gig work such as food and parcel delivery than take on the financial burden of a tertiary education programme.

Asyraf credits his success to the TVET diploma he earned at a



In demand: According to Zainah, the marketability of TVET graduates from her polytechnic was above 96% in 2023.

government-run polytechnic in Shah Alam.

"They taught me everything about working with wood, from how to identify different trees to how to design, cut, carve and craft," said the young man, who graduated with a diploma in wood-based technology.

"They had courses on entrepreneurship to give students a foundation in how to start and sustain a business."

The three-year diploma course of six semesters cost him and his family RM1,200 in tuition fees; he worked part-time at several nearby factories to earn pocket money.

"Thinking that you are wasting your time learning new skills is not a positive attitude," said Asyraf when we asked him what he thought about the perception that continuing to study after SPM is not worth the time and investment.

"You won't waste your time because you will develop skills in a field that is in demand, and the demand will only increase."

Zainah Rujiban, who heads a polytechnic in Selangor, echoed



Hard work pays off: Asyraf (right) has turned his one-man show into an enterprise employing 12 people.

this view, saying that the marketability of TVET graduates from her institution was more than 96% in 2023, with 58.6% of them having found work within six months of completing their studies.

The rest are either pursuing more advanced qualifications or undergoing upskilling. Only 3.9% have not found work yet, said Zainah, who is director of Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).

About 80% of PSA's degree holders are able to find work in the fields that they studied in, and among engineering diploma holders, the rate is 50%, said Zainah.

"This is because of our work-based learning method, where we link studying in the polytechnic with studying in the industry to fuse theory and practice," she told *The Star*.

Another TVET graduate, Muhamad Hanif Selamat, 36, attests to how the close links between industries and polytechnics substantially increase the chances that their graduates get employed.

"Polytechnic students do 50% practical learning and 50% theory. They are trained to work with the latest machines and equipment," said Hanif, who holds a diploma in mechanical engineer-

ing specialising in packaging.

"Those who graduate in this field get work as technicians in factories, as almost all manufacturers need packaging. The starting salaries can be between RM2,100 and RM2,500 a month."

Hanif started working almost as soon as he graduated in 2010 as a technician; he later upskilled to become an engineer. In 2015, he became a lecturer in the field he had studied.

"It's okay to do gig work but don't let it be your only future. Improve yourself by studying and picking up higher skills so that you can earn a better salary in the future."

Sumberkini

UTAMA > NASIONAL

TVET POLYCC Diharap Tingkat Generasi Berkemahiran Tinggi

Oleh admin — Jun 26, 2024 dalam NASIONAL



PSA tingkat kemahiran antarabangsa, 23 pelajar berlepas ke China jalani latihan MCYTT

Lailatul Qadrina - 15 Julai

SHARE TWEET



Seramai 23 orang pelajar dan tujuh orang pensyarah dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) telah berlepas ke China untuk menyertai Program Malaysia China Youth TVET Training (MCYTT). (Foto Facebook PSA)

SEPANG – Seramai 23 orang pelajar dan tujuh orang pensyarah dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) telah berlepas ke China untuk menyertai Program Malaysia China Youth TVET Training (MCYTT).

Program latihan selama 12 hari ini akan berlangsung dari 16 hingga 26 Julai 2024 di Jiangxi Vocational Technical College Trade and Industry.

Menurut Pengarah PSA, Zainah Rujihan, program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengalaman dalam penggunaan teknologi di institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di China, khususnya dalam bidang Internet of Things (IoT) Application Technology.

Selain itu, program ini juga memberi pendedahan kepada peserta tentang pengalaman mobiliti antarabangsa.



Pengarah PSA, Zainah Rujihan ketika bersama delegasi dari PSA sebelum berlepas ke China. (Foto Facebook PSA)

“Kami amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk turut sama menyertai program ini. Semua peserta sangat teruja dan berhasrat untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan teknologi yang diaplikasikan di China,” katanya semasa sesi pelepasan para peserta di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur awal pagi tadi.

Turut hadir di sesi pelepasan tersebut ialah Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Ts. Mohd Firdaus Mhd Radzi, Pegawai Perhubungan Antarabangsa Mohd Khalid Ustati, Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik Ts. Norazlina Jaafar, Setiausaha Agung merangkap Ketua Projek Belia Mahir Mohammad Rizan Hassan, serta wakil Tang Chinese Education and Technology Malaysia Sdn. Bhd., Radin Adnan Radin Meli.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, menyatakan bahawa China menawarkan lebih 5000 peluang latihan dalam bidang TVET di republik itu.

Tawaran ini merupakan hasil daripada perjanjian persefahaman yang dimeterai antara NGO Belia Mahir, Tang (M) International Education Group, Belfang Automotive Education Group (Belfang), dan Tang International Education Group.

Salurkan berita anda kepada kami ke: newsroom@my-berita.com



Penjawat awam cemerlang pemangkin aspirasi Malaysia Madani

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
15 JULY 2024
UMUM

Shah Alam, 25 Jun 2024 – Penjawat awam tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian sebaliknya perlu berani berhadapan dan menangani perubahan khususnya dalam persekitaran yang semakin mencabar.

Mereka juga perlu memberi perkhidmatan yang berkualiti, efektif dan berintegriti seterusnya merealisasikan Malaysia Madani seperti yang diaspirasikan.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Mohd Zahari Ismail berkata tanpa warga yang cemerlang, bukan sahaja dasar dan perancangan yang baik tidak dapat dijalankan malah, operasi dan perjalanan urusan harian institusi tidak akan menjadi lancar sekali gus mencemarkan imej perkhidmatan awam.

“POLYCC kini menjadi teras dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di Malaysia. Kita tidak hanya menyediakan kurikulum TVET didorong industri dan latihan berkualiti, tetapi juga bertindak sebagai landasan bagi masyarakat untuk memilih TVET sebagai laluan utama ke arah pembangunan kerjaya yang mampan dan cemerlang,”

“Dengan semangat dan tekad yang padu, POLYCC mampu menggapai tahap yang lebih tinggi sekali gus melahirkan generasi berkemahiran tinggi yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara,” ujar beliau semasa merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023 Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diadakan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pengarah Kanan (Kompetensi) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Ts. Abdul Razak Sabtu.

Turut hadir Pengarah PSA Zainah Rujihan yang juga merupakan Pengerusi POLYCC Zon Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengarah Bahagian Koordinasi TVET JPPKK Dr. Norhayati Ibrahim dan Pengarah Bahagian Perancangan Program dan Institusi JPPKK A. Azman Arshad serta pengarah-pengarah dan timbalan-timbalan pengarah POLYCC Zon Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sementara itu Zainah berkata, APC bukan semata-mata pengiktirafan kepada pegawai yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang tinggi.

Malahan, ia juga pemangkin kepada warga POLYCC untuk terus berada di landasan yang tepat ke arah pencapaian visi dan misi Politeknik dan Kolej Komuniti, lantas memupuk budaya kerja kelas pertama.

Lebih 30 peratus peningkatan pendaftaran pelajar di PSA

Oleh Nurayuni Johari - 29 July 2024



Lebih 30 peratus peningkatan kemasukan pelajar baharu ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) direkodkan bagi sesi akademik satu untuk 2024/2025.

KUALA LUMPUR – Lebih 30 peratus peningkatan kemasukan pelajar baharu ke Politeknik

Katanya, ia dijangka akan meningkat berdasarkan statistik UPU yang menunjukkan seramai 1,288 setuju menerima tawaran.

"Peningkatan tersebut mencerminkan politeknik sebagai institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) semakin menjadi pilihan dan diyakini oleh para pelajar serta ibu bapa.

"Ia merupakan satu lonjakan yang besar selaras dengan hasrat kerajaan. Justeru, saya berharap para pelajar sekalian ambillah peluang ini dan belajar dengan bersungguh-sungguh, rebut segala peluang dan ruang yang kita sediakan di sini", katanya selepas menyaksikan proses pendaftaran di Dewan Al Jazari, di sini, hari ini.





Lonjakan lebih 30 peratus kemasukan baharu ke PSA tanda yakin terhadap TVET

Suraya Aziz - 30 Julai



Lonjakan lebih 30 peratus kemasukan baharu ke PSA tanda keyakinan terhadap TVET (Foto Herlina Ainizawati)

SHAH ALAM – Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) merekod pencapaian luar biasa dengan peningkatan lebih 30 peratus kemasukan pelajar baharu bagi sesi akademik 1 2024/2025 berbanding sesi akademik 1 2023/2024.

Difahamkan setakat hari pertama, seramai 1,033 daripada jumlah keseluruhan 1,288 pelajar yang bersetuju menerima tawaran masuk ke institusi berkenaan sudah mendaftar.

Pengarahnya, Zainah Rujihan percaya peningkatan ini mencerminkan keyakinan pelajar dan ibu bapa terhadap politeknik sebagai institusi pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET).

“Peningkatan ini adalah satu lonjakan yang besar selaras dengan hasrat kerajaan. Saya berharap para pelajar dapat mengambil peluang ini dan belajar dengan bersungguh-sungguh,” katanya pada Isnin.



Puteri Adriana Batrisyia Mohd Zulkulnain mengambil gambar kenang-kenangan semasa hari pendaftaran (Foto Herlina Ainizawati)

Dalam pada itu, seorang pelajar baharu yang ditemui, Puteri Adriana Batrisyia Mohd Zulkulnain, 18, berkongsi, dia memilih program Diploma Pemasaran kerana minatnya terhadap bidang perniagaan dan pemasaran, terutamanya melalui platform e-dagang.

Adriana, yang merupakan OKU fizikal, berkata kekurangan fizikal tidak sepatutnya menjadi penghalang untuk berjaya.

“Politeknik ini bagus dari segi peluang pekerjaan yang luas dan akademik yang berkualiti. Pesan saya pada semua dan diri saya sendiri, buatlah yang terbaik walaupun ada kekurangan. Yang penting jangan berhenti belajar,” ujarnya.

Sementara itu, ibunya, Wan Hasimazlinda Wan Mazlan, 41, turut menyokong keputusan Adriana untuk melanjutkan pelajaran di politeknik kerana yakin dengan prospek kerjaya yang ditawarkan.

“Kami berbincang sebenarnya sebab dia mendapat tawaran ke tingkatan enam tapi kami lebih memilih politeknik kerana yakin dengan institusi tersebut dan graduan yang mudah mendapat pekerjaan,” jelasnya.

Untuk makluman, semua pelajar baharu yang mendaftar di PSA perlu menjalani Minggu Haluan Siswa (MHS) selama seminggu sebelum kelas bermula.

MHS yang berkonsepkan orientasi wajib ini bertujuan sebagai proses persediaan dan pendedahan mengenai alam pendidikan, budaya serta aspek pembinaan sahsiah di politeknik.



Kemasukan pelajar baharu ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melonjak lebih 30 peratus

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
30 JULY 2024

BERITA UMUM

Shah Alam, 29 Julai 2024 – Lebih 30 peratus peningkatan kemasukan pelajar baharu ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) bagi sesi akademik 1 2024/2025 berbanding sesi akademik 1 2023/2024.

Seramai 1,033 pelajar baharu mendaftar pada hari pertama sesi pendaftaran pelajar dan dijangkakan jumlah tersebut akan meningkat berdasarkan statistik UPU seramai 1,288 setuju menerima tawaran.

Menurut Pengarah PSA Zainah Rujihan, peningkatan tersebut mencerminkan politeknik sebagai institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) semakin menjadi pilihan dan diyakini oleh para pelajar serta ibu bapa.

“Ia merupakan satu lonjakan yang besar selaras dengan hasrat kerajaan. Justeru, saya berharap para pelajar sekalian ambillah peluang ini dan belajar dengan bersungguh-sungguh, rebut segala peluang dan ruang yang kita sediakan di sini” ujarnya ketika melihat proses pendaftaran yang diadakan di Dewan Al Jazari di sini hari ini.

Bagi Puteri Adriana Batrisyia Mohd Zulkulnain, 18, beliau memilih program Diploma Pemasaran kerana minat terhadap bidang perniagaan dan pemasaran terutamanya menerusi platform e-dagang.

“Politeknik ini bagus, dari segi peluang pekerjaan luas selain akademik yang berkualiti. Saya rasa teruja sangat dapat masuk ke PSA dan disambut dengan mesra.

Beliau yang merupakan OKU fizikal sempat berkata kekurangan fizikal bukanlah halangan untuk berjaya.

“Pesan saya pada semua dan diri saya sendiri, buatlah yang terbaik walaupun ada kekurangan. Yang penting jangan berhenti belajar.”

Sementara itu ibunya, Wan Hasimazlinda Wan Mazlan, 41, berkata beliau bersama keluarga memilih politeknik kerana yakin dengan institusi tersebut di samping graduan yang mudah mendapat pekerjaan.

“Kami berbincang sebenarnya sebab dia mendapat tawaran ke tingkatan enam tapi kami lebih memilih politeknik.”

Semua pelajar baharu yang mendaftar di PSA perlu menjalani Minggu Haluan Siswa (MHS) selama seminggu sebelum kelas bermula.

MHS yang berkonsepkan orientasi wajib dijalani para pelajar baharu sebagai proses persediaan dan pendedahan mengenai alam pendidikan, budaya dan aspek pembinaan sahsiah di politeknik.

PSA tidak jangka terima permohonan luar biasa program Techno-Huffaz

Oleh Ruwaida Md Zain - Ogos 11, 2024 @ 9:28am
bhnews@bh.com.my



Online

Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Zainah Rujihan berucap pada Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ke 25 di Dewan Al Jazari, Politeknik Shah Alam, semalam. - Foto NSTP/ Faiz Anuar

SHAH ALAM: Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) menerima permohonan luar biasa bagi kemasukan ke program Techno-Huffaz sehingga mencecah 118 permohonan tahun ini.

Pengarah PSA, Zainah Rujihan, berkata sejak mula diperkenalkan pada 2017, permohonan kurang 10 orang pada setiap semester namun pada semester kali ini, PSA terpaksa menghadkan kepada 35 penuntut.

"Sebelum ini hanya sedikit sahaja memohon, bermaksud ketika itu tidak ramai tahu dan tidak lihat hasilnya tetapi tahun ini mendapat sambutan permohonan luar biasa sampai 118 memohon.

"Kami tidak jangka sebab itu PSA tidak dapat terima semua, had kami sehingga 35 orang sahaja untuk pengambilan baharu semester satu ini, kerana kita terhad dari segi tempat dan tenaga pengajar.

"Insya-Allah, saya yakin selepas ini kita boleh dapat menambah daripada segi tenaga pengajar dan tempat supaya lebih ramai lagi teknokrat huffaz berjaya dilahirkan oleh PSA," katanya ketika ditemui selepas Majlis Konvokesyen PSA Kali ke-25 di Dewan Al-Jazari di sini semalam.

Mengulas lanjut Zainah berkata di bawah Techno-Huffaz kali ini terdapat program bersanad yang mana sebagai permulaan, PSA akan menghantar dua penuntut ke Universiti Al-Azhar, Mesir untuk mengikutinya.

"Istimewa kali ini, di bawah Techno-Huffaz ini ada program bersanad di Mesir... kita hantar dua penuntut mengikut program bersanad pada September ini," katanya.

Pada konvokesyen kali ini juga, seramai tujuh graduan Techno-Huffaz yang menghafaz 30 juzuk al-Quran diraikan yang mana mereka berjaya memperoleh 'dual certification' iaitu Sijil Tahfiz al-Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)-Politeknik dan sijil Diploma Politeknik.



6 Jun 2024

Bernama
TV

TAJUK :
TVET untuk semua



10 Jun 2024

TV1 RTM
Selamat Pagi Malaysia

TAJUK :
Laluan Kerjaya Selepas SPM



6 Jun 2024

Radio Selangor FM 100.9

TAJUK :
TVET @ POLYCC Destinasi Pasti



21 Jun 2024

Hai Selangor

TAJUK :
TVET dan masa depan

SIDANG EDITORIAL

PENGERUSI

Puan Zainah binti Rujihan

TIMBALAN PENGERUSI

Ts. Dr. Ahmad Aftas bin Azman

Ts. Mohd Firdauz bin Mhd Radzi

KETUA PENGARANG

Puan Halimaton Sa'adiyah binti Sa'don

TIMBALAN PENGARANG

Puan Herlina Ainizawati binti Zakaria

EDITOR

Puan Masitah binti Mohd Ali

JAWATANKUASA PENERBITAN

Puan Intan Syafiqah binti Mohd Shah

Encik Kaharuddin bin Osman

Puan Suzliana binti Marsom

Puan Siti Nurul Huda binti Romli

Encik Mohd Nor Aqmal bin Razali

Puan Choong Siew Lay

Puan Maslizah binti Minahdar

Puan Suaiza binti Khairi

Puan Siti Zubaidah binti Ahmad

Encik Halmi Affendy bin Rasol



**Hari Kepimpinan
Pengarah ke-9
PSA**

ZAINAH BINTI RUJIHAN



1000

Hari Kepimpinan Pengarah ke- 9

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

ZAINAH BINTI RUJIHAN

e ISBN 978-629-7667-13-3

